- 26.1 Petender yang berjaya bagi semua Sebut harga yang bernilai melebihi RM 500,000.00 akan dikenakan levi sebanyak perpuluhan satu dua lima peratus (0.125%) daripada nilai harga kontrak seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 34(2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) 1994 (Akta 520). Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Petender yang berjaya untuk membuat bayaran levi kepada pihak LPIPM.

27.0 POLISI KESELAMATAN SIBER MBSJ DAN AKTA RAHSIA RASMI 1972

- 27.1 Petender berjaya yang memerlukan akses kepada data/maklumat/premis atau kawasan-kawasan sensitif/terperingkat MBSJ perlu menandatangani Surat Akuan Pematuhan Polisi Keselamatan Siber MBSJ dan Perakuan Akta Rahsia Rasmi 1972.
- 27.2 Keperluan menandatangani Perakuan-perakuan tersebut adalah bagi :-
- i) Menjamin keselamatan maklumat/data MBSJ.
 - ii) Mengelak kebocoran maklumat/data MBSJ.
 - iii) Memastikan pengguna maklumat dan kemudahan proses maklumat oleh pihak ketiga dikawal.
 - iv) Melindungi Aset ICT MBSJ.
 - v) Memastikan kontraktor/vendor bertanggungjawab atas tindakan mereka sepanjang melaksanakan kerja di MBSJ.
- 27.3 Perakuan-perakuan tersebut yang telah lengkap perlu diserahkan kepada Pegawai Penguasa/wakil Pegawai Penguasa sebelum kerja/perkhidmatan/bekalan dilaksanakan atau di dalam tempoh yang

munasabah sebelum kontraktor dibenarkan untuk akses kepada data/maklumat/premis atau kawasan-kawasan sensitif/terperingkat MBSJ.

28.0 PERINTAH GAJI MINIMUM 2024

28.1 Petender hendaklah memastikan bahawa harga tawaran yang dikemukakan telah mengambil kira peruntukan Perintah Gaji Minimum (PGM) 2024 yang telah diwartakan pada 1 Februari 2025 melalui Warta P.U. (A) 376 dan tiada pelarasan kadar harga boleh dilakukan disebabkan kegagalan petender mematuhi peraturan ini.

29.0 PERINGATAN MENGENAI PAKATAN HARGA ATAU KESALAHAN KARTEL ATAU TIPUAN BIDA

29.1 Sekiranya didapati petender terlibat dalam membuat pakatan harga atau kesalahan kartel atau tipuan bida dengan syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses perolehan maka tindakan penarikan balik tawaran kontrak atau penamatan kontrak dan juga lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib boleh diambil mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

30.0 HARGA INDIKATIF JABATAN

- 30.1 Harga Indikatif Jabatan bagi Sebut harga ini adalah Ringgit Malaysia: **Satu Ratus Ribu Sahaja (RM 100,000.00)**
- 30.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Majlis atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.
- 30.3 Pihak Majlis tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

31.0 AKTA PERSAINGAN 2010 [AKTA 712]

- 31.1 Petender yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perolehan Kerajaan adalah tertakluk kepada Akta Persaingan 2010 [Akta 712]. Akta ini digubal bagi menggalakkan pembangunan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Bagi mencapai tujuan ini, Akta 712 melarang perlakuan antipersaingan.
- 31.2 Seksyen 4(2) (d) Akta 712 secara spesifik melarang perjanjian tipuan bida di antara perusahaan (pembida).
- 31.3 Sekiranya berlaku, petender akan dikenakan tindakan serius mengenai isu kartel/pakatan tipuan bida dalam perolehan Kerajaan dan akan dilaporkan kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia sekiranya terdapat tanda-tanda yang menjurus kepada pakatan tipuan bida.

32.0 AKTA SYARIKAT 2016 [AKTA 777]

- 32.1 Akta ini digubal bagi menambahbaik kerangka pelaporan pemunyaan benefisial untuk memerangi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai. Peruntukan perundangan baharu ini mewajibkan setiap syarikat mengenal pasti pemunya benefisial iaitu individu yang mengawal syarikat tersebut.

33.0 AKTA ANTI PEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTI PENYELUDUPAN MIGRAN 2007 [AKTA 670]

- 33.1 Akta ini digubal bagi memperuntukkan kesalahan pemerdagangan orang, perlindungan dan bantuan orang yang diperdagangkan.
- 33.2 Bahagian III Akta 670 menjelaskan jenis-jenis kesalahan pemerdagangan orang. Eksploitasi juga termasuklah segala bentuk eksploitasi seks, kerja atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan, pengabdian, apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau pemindahan organ manusia.
- 33.3 Sekiranya berlaku, petender akan dikenakan tindakan serius mengenai isu pemerdagangan orang dan buruh paksa dalam perolehan Kerajaan agar inisiatif pembanterasan ini selaras dengan Laporan Jabatan Negara Amerika Syarikat (JNAS) yang dikeluarkan setiap tahun.

34.0 PELAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP) DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

- 34.1 Pelaksanaan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) adalah berdasarkan Akta Cukai Jualan 2018 [Akta 806] dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [Akta 807] telah dikuatkuasakan mulai 1 September 2018.
- 34.2 Kenaan cukai ke atas peluasan skop baharu Cukai Perkhidmatan bagi kerja pembinaan dikecualikan bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sehingga 30 September 2025 sahaja.
- 34.3 Bagi tujuan sebut harga ini, Petender hendaklah **menawarkan Harga tawaran tanpa kenaan nilai kenaan CJCP**. Walau bagaimanapun, Petender, sama ada berdaftar CJCP ataupun tidak, masih bertanggungjawab untuk mengambil kira dalam harga tawaran apa-apa kos yang berkaitan dengan kenaan CJCP yang perlu dibayar oleh Petender kepada pihak-pihak yang membekalkan khidmat kepadanya.
- 34.4 Sekiranya syarikat berdaftar CJCP, Surat Setuju Terima berdasarkan harga tawaran dengan tambahan nilai kenaan CJCP akan dikeluarkan kepada Petender yang berjaya.
- 34.5 Sekiranya Petender tidak berdaftar CJCP, tiada tambahan nilai kenaan CJCP akan dimasukkan.
- 34.6 Sekiranya Petender berdaftar CJCP semasa kerja sedang berjalan, kontraktor hendaklah memaklumkan status pendaftaran dan memohon pelarasan bagi tambahan kenaan CJCP dan menuntut sebarang kenaan CJCP dengan syarat kerja semasa masih berkuat kuasa bagi baki perolehan yang belum disempurnakan.

35.0 PELANJUTAN TEMPOH MASA (KONTRAK KERJA)

- 35.1 Petender berjaya adalah diingatkan bahawa, pelanjutan tempoh masa (E.O.T.) hanya dibenarkan bagi kontrak kerja bernilai melebihi RM200,000.00 sahaja tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) asal iaitu Jawatankuasa Sebut Harga terlebih dahulu. Pelanjutan tempoh masa (E.O.T.) terhad untuk **satu (1) kali** pelanjutan sahaja dan juga tertakluk kepada perkara-perkara yang dibenarkan di bawah syarat-syarat kontrak serta peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa.
- 35.2 Petender dinasihatkan untuk mengemukakan tempoh siap kerja dengan mengambil kira peristiwa-peristiwa tertentu seperti cuti perayaan, cuti am dan lain-lain peristiwa yang dibenarkan termasuk menyemak rekod cuaca / hujan pada tahun-tahun sebelumnya sebelum menetapkan bilangan hari atau tempoh siap kerja yang perlu dikemukakan di dalam borang sebut harga.

36.0 PEMATUHAN AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 [AKTA 514]

- 36.1 Petender berjaya dikehendaki mematuhi sepenuhnya segala peruntukan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514], termasuk mana-mana peraturan, kod amalan, garis panduan dan pindaan yang berkuat kuasa sepanjang tempoh kontrak.
- 36.2 Petender adalah bertanggungjawab memastikan semua pekerja, subkontraktor, pembekal dan mana-mana individu yang terlibat di dalam tapak pembinaan mengamalkan prosedur kerja yang selamat serta mengambil segala langkah-langkah yang munasabah bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja serta orang awam.
- 36.3 Petender bertanggungjawab menyediakan dan melaksanakan langkah-langkah kawalan keselamatan yang bersesuaian, termasuk penyediaan Peralatan Perlindungan Diri (PPE), papan tanda amaran, kawalan, pelan tindakan kecemasan serta penyeliaan yang mencukupi mengikut keperluan kerja di dalam tapak bina.
- 36.4 Kegagalan petender mematuhi Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [Akta 514] boleh mengakibatkan tindakan diambil, termasuk arahan pemberhentian kerja, penggantungan kerja, atau penamatan kontrak selaras dengan peraturan dan syarat-syarat kontrak.

37.0 LAIN-LAIN HAL

- 37.1 Setiap notis yang hendak diberi kepada Petender akan dihantar melalui faksimili/e-mel ke alamat yang dinyatakan dalam Sistem Tender *Online* Selangor 2.0 dan pengeposan/e-mel/faksimili itu hendaklah disifatkan sebagai satu penyampaian notis yang sempurna.
- 37.2 Perkataan-perkataan 'Petender yang berjaya' hendaklah dimaksudkan bahawa Petender yang mana sebut harganya telah disetuju terima oleh Jawatankuasa sebut harga yang menerima sebut harga – sebut harga dan hendaklah telah menepati syarat-syarat sebut harga ini.
- 37.3 Perkataan petender dalam syarat-syarat ini hendaklah disifatkan sebagai seorang atau dua orang atau lebih. Perkataan 'dia' hendaklah disifatkan sebagai beliau atau mereka.
- 37.4 Ketidakpatuhan mana-mana syarat-syarat di atas boleh menyebabkan sebut harga tersebut ditolak.
- 37.5 Petender adalah dinasihatkan supaya melawat tapak sebelum mengemukakan sebut harganya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan kerja yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan lebihan akibat kekurangan pengetahuan mengenai keadaan kerja tidak akan dilayan.
- 37.6 Bagi petender yang berjaya adalah dikehendaki untuk mengemukakan akaun perbankan Islam bagi urusan pembayaran oleh pihak Majlis.

**LAMPIRAN KEPADA
ARAHAN KEPADA PETENDER**



GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 1 TAHUN 2025 LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI ATAU *TAX COMPLIANCE CERTIFICATE* (TCC) KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN

1. PENGENALAN

- 1.1 Melalui Ucapan Belanjawan 2022 di bawah Rang Undang-Undang Perbekalan (2022), YB Menteri Kewangan telah membentangkan inisiatif langkah kemampunan hasil selaras dengan amalan di peringkat antarabangsa di mana Kerajaan bercadang untuk memberikan layanan cukai secara sama rata. TCC yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah dijadikan sebahagian daripada dokumen prasyarat semasa pembayar cukai/ pembida mengemukakan permohonan bagi perolehan Kerajaan bermula tahun 2023.
- 1.2 Garis panduan ini bertujuan untuk menerangkan tentang prosedur pelaksanaan Sijil Pematuhan Cukai atau *Tax Compliance Certificate* (TCC) untuk permohonan perolehan Kerajaan bagi semua kategori perolehan Kerajaan iaitu bekalan, perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) dan kerja bermula 1 Julai 2025.

2. MAKLUMAT AM

- 2.1 Penggunaan Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN)

Pengeluaran dan semakan TCC adalah menggunakan TIN iaitu nombor cukai pendapatan sepertimana rekod sedia ada di LHDNM. Sekiranya pembayar cukai/ pembida belum mempunyai TIN, pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar di [Portal MyTax](#).

2.2 Kategori Pembayar Cukai/ Pembida

Pelaksanaan TCC adalah meliputi semua kategori pembayar cukai berikut:

- i. Syarikat (fail C)
- ii. Perkongsian Liabiliti Terhad (fail PT)
- iii. Koperasi (fail CS)
- iv. Badan Amanah (fail TA)
- v. Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah (fail TC)
- vi. Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta (fail TR)
- vii. Pertubuhan (fail F)
- viii. Perkongsian (fail D)
- ix. Individu Yang Menjalankan Perniagaan (fail IG)

3. PROSEDUR SEMAKAN DAN PENGELUARAN TCC

- 3.1 Tiada permohonan yang perlu dikemukakan oleh pembayar cukai/ pembida untuk mendapatkan TCC. Pembayar cukai/ Pembida boleh membuat semakan dan cetakan TCC secara sendiri melalui menu **Status MyTax** di Portal MyTax iaitu <https://mytax.hasil.gov.my>. Portal MyTax boleh diakses menggunakan nombor kad pengenalan/ pasport dan kata laluan sepertimana pembayar cukai mendaftar masuk bagi tujuan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui aplikasi e-Filing.
- 3.2 Semakan TCC boleh dilakukan oleh pembayar cukai/ pembida seperti berikut:
 - 3.2.1 **Kategori individu** (perniagaan pemilikan tunggal)

TCC akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan dan TCC boleh terus disemak di Status MyTax pembayar cukai.
 - 3.2.2 **Kategori selain individu** (Syarikat, Perkongsian Liabiliti Terhad, Koperasi, Perkongsian, Pertubuhan dan lain-lain)

TCC akan dikeluarkan mengikut kategori pembayar cukai. Pembayar cukai perlu mempunyai peranan sebagai Pengarah Syarikat di Portal MyTax. Sekiranya pembayar cukai belum mempunyai peranan sebagai Pengarah Syarikat, permohonan peranan boleh dibuat di Profil MyTax masing-masing dengan memuat naik dokumen sokongan yang dinyatakan mengikut kategori. Maklumat lanjut berhubung kaedah permohonan peranan di MyTax boleh dirujuk seperti berikut: <https://mytax.hasil.gov.my> > Panduan Pengguna > Manual Penggunaan Permohonan Peranan.
- 3.3 Semakan dan cetakan TCC di Portal MyTax boleh dilakukan pada bila-bila masa mengikut keperluan pembayar cukai/ pembida.

- 3.4 Kriteria pematuhan cukai yang disemak bagi tujuan pengeluaran TCC adalah seperti berikut:
- 3.4.1 **Pengemukaan BNCP**
Pembayar cukai/ Pembida perlu memastikan BNCP dikemukakan setiap tahun mengikut tempoh pengemukaan BNCP yang ditetapkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.
- 3.4.2 **Bayaran Cukai Pendapatan**
Pembayar cukai/ Pembida tidak mempunyai tunggakan cukai dan/ atau mematuhi jadual ansuran yang sedang berkuat kuasa.
- 3.5 Pembayar cukai/ Pembida yang memenuhi kriteria di perenggan 3.4 akan dikategorikan sebagai '**Patuh**'.
- 3.6 Pembayar cukai/ Pembida yang gagal mematuhi kriteria ditetapkan akan dikategorikan sebagai '**Tidak Patuh**'. Tindakan penyelesaian perlu diambil sepertimana yang dipaparkan di TCC untuk mengelakkan sebarang kesulitan semasa penyertaan dalam perolehan Kerajaan kelak.
- 3.7 Status TCC akan dikemas kini dan TCC boleh dicetak melalui Portal MyTax setelah semua isu ketidakpatuhan diselesaikan. Pembayar cukai/ Pembida hendaklah memaklumkan kepada LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my berserta dokumen sokongan sekiranya tindakan ke atas isu ketidakpatuhan telah diselesaikan untuk memastikan tindakan kemas kini status TCC dapat diambil sewajarnya.
- 3.8 **Tempoh sah laku TCC** adalah mengikut tahun kalendar semasa. Sebagai contoh, TCC bagi tahun 2025 mempunyai tempoh sah laku sehingga 31 Disember 2025. Pembayar cukai/ Pembida boleh menggunakan TCC berkenaan untuk tujuan pelbagai permohonan Perolehan Kerajaan selama mana ia masih berkuat kuasa seperti contoh berikut:

Tarikh Janaan Sijil	01/10/2025	Sah Laku Sijil
Tarikh Sah Laku Sijil	31/12/2025	
Tarikh Permohonan Pertama	06/10/2025	Sah
Tarikh Permohonan Kedua	01/12/2025	Sah
Tarikh Permohonan Ketiga	01/02/2026	Luput <i>*kerana tempoh sah laku sijil hanyalah setakat 31/12/2025</i>

- 3.9 Pengeluaran TCC adalah percuma dan tidak dikenakan sebarang yuran pemprosesan.

- 3.10 Carta alir pengeluaran TCC adalah seperti di **LAMPIRAN B2-1**.
- 3.11 Contoh TCC berstatus Patuh adalah seperti di **LAMPIRAN B2-2**, manakala contoh bagi TCC berstatus Tidak Patuh adalah seperti di **LAMPIRAN B2-3**.

4. PROSEDUR SEMAKAN KETULENAN TCC

- 4.1 Semakan ketulenan TCC boleh dilakukan melalui menu **Semakan Ketulenan TCC** di aplikasi *mobile* MyTax dengan mengimbas kod *Quick Response* (QR) yang dipaparkan di TCC.
- 4.2 Aplikasi *mobile* MyTax boleh dimuat turun dari platform penyedia seperti berikut:
 - 4.2.1 Google Play (Android);
 - 4.2.2 App Store (iOS); atau
 - 4.2.3 AppGallery (Huawei).
- 4.3 Maklumat-maklumat berikut akan dipaparkan di skrin telefon pintar setelah imbasan QR dilakukan:
 - 4.3.1 Nama Penuh
 - 4.3.2 No. Pengenalan/ No. Pendaftaran
 - 4.3.3 No. Pengenalan Cukai
 - 4.3.4 Status
 - 4.3.5 Tarikh Janaan Sijil
 - 4.3.6 Tarikh Luput Sijil
- 4.4 Sekiranya maklumat yang dipaparkan di aplikasi *mobile* MyTax adalah tidak lengkap atau berbeza dengan maklumat di TCC yang diberikan oleh pembayar cukai/ pembida, TCC tersebut adalah palsu dan tidak sah.
- 4.5 Contoh status pengesahan semakan ketulenan TCC adalah seperti di **LAMPIRAN B2-4**.


5. HUBUNGI KAMI

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila:

- 5.1 E-mel ke tcc@hasil.gov.my ; atau
- 5.2 hubungi Hasil *Contact Centre* LHDNM di talian 03-8911 1000 (dalam negara) atau 603-8911 1100 (luar negara).

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

CARTA ALIR PENGELUARAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI ATAU TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC)



CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS PATUH

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

 LHDN
MALAYSIA

Telefon : 03-8911 1000
(HASiL Care Line)
Port Rasmi :
<https://www.hasil.gov.my>

Tarikh Janaan Sijil
}

Tarikh Luput Sijil
}

SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)
BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN
(STATUS: PATUH)

Adalah dengan ini, disahkan bahawa

telah memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang menunjukkan pemegang sijil ini tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berhak menarik balik status pematuhan yang diberikan melalui sijil ini.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).



CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS TIDAK PATUH



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Telefon : 03-8911 1000
(HASIL Care Line)
Portal Rasmi : <https://www.hasil.gov.my>

SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)
BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN
(STATUS: TIDAK PATUH)

Adalah dengan ini disahkan bahawa

tidak memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) seperti berikut:

- ☐ Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan
- ☐ Mempunyai cukai/baki cukai tertunggak yang belum dijelaskan


Sila berurusan di pejabat LHDNM yang berdekatan atau e-mel ke alamat tcc@hasil.gov.my untuk penyelesaian isu di atas.

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASIL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).



CONTOH STATUS PENGESAHAN SEMAKAN KETULENAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI



SOALAN LAZIM (FAQ) BERKAITAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI ATAU TAX COMPLIANCE CERTIFICATE (TCC)

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
1.	Apakah itu Sijil Pematuhan Cukai atau <i>Tax Compliance Certificate</i> (TCC)?	TCC adalah dokumen prasyarat yang perlu dikemukakan oleh pembayar cukai/ pembida semasa membuat permohonan perolehan Kerajaan.
2.	Siapakah yang mengeluarkan TCC tersebut?	TCC dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) iaitu agensi pelaksana yang dipertanggungjawabkan untuk pengeluaran TCC.
3.	Bagaimanakah cara untuk memohon TCC dengan pihak LHDNM?	TCC tidak perlu dimohon dengan pihak LHDNM. TCC dikeluarkan secara automatik kepada semua pembayar cukai yang menjalankan perniagaan. Pembayar cukai/ Pembida boleh menyemak TCC secara sendiri melalui menu Status MyTax di Portal MyTax masing-masing.
4.	Bagaimanakah cara untuk menyemak TCC di Portal MyTax?	Kaedah semakan TCC adalah seperti berikut: a. Pembayar cukai/ Pembida kategori individu (perniagaan pemilikan tunggal): - TCC akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan. - TCC boleh disemak melalui Status MyTax di Portal MyTax. b. Pembayar cukai/ Pembida kategori selain individu: - TCC akan dikeluarkan atas nama perniagaan. - Pembayar cukai/ Pembida perlu mempunyai dan memilih peranan Pengarah Syarikat di Portal MyTax sebelum boleh menyemak TCC melalui Status MyTax. - Kaedah permohonan peranan boleh dirujuk seperti pautan berikut: https://mytax.hasil.gov.my > Panduan Pengguna > Manual Penggunaan Permohonan Peranan.
5.	Siapakah yang boleh membuat semakan TCC?	TCC boleh disemak oleh individu seperti berikut: a. Tidak memerlukan peranan di MyTax: - Perniagaan pemilikan tunggal – Pemilik perniagaan. b. Memerlukan peranan Pengarah Syarikat di MyTax: - Syarikat – Salah seorang daripada Pengarah atau Setiausaha syarikat.

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
		• Perkongsian Liabiliti Terhad – Salah seorang daripada Ahli Kongsi atau Setiausaha. • Perkongsian – Salah seorang daripada ahli kongsi. • Lain-lain entiti perniagaan – Salah seorang daripada Pengurus Utama atau Setiausaha atau Bendahari.
6.	Adakah wakil (seperti ejen cukai) dibenarkan membuat semakan TCC?	Tidak, pada ketika ini hanya individu yang dinyatakan di Soalan 5 sahaja yang dibenarkan menyemak TCC.
7.	Apakah makna status yang dipaparkan di TCC?	a. Patuh – Pembayar cukai/ Pembida mematuhi kriteria pematuhan cukai yang telah ditetapkan. b. Tidak Patuh – Pembayar cukai/ Pembida gagal mematuhi kriteria pematuhan cukai yang telah ditetapkan.
8.	Apakah yang perlu dilakukan sekiranya TCC memaparkan status Tidak Patuh?	Pembayar cukai/ Pembida perlu menyelesaikan isu pematuhan cukai sepertimana yang dipaparkan di TCC: a. Gagal mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) – melaporkan pendapatan yang diterima melalui aplikasi e-Filing di Portal MyTax. b. Mempunyai tunggakan cukai pendapatan – menyelesaikan tunggakan cukai melalui aplikasi ByrHASiL di Portal MyTax atau memohon aturan pembayaran secara ansuran dengan LHDNM Negeri yang menyelia fail cukai masing-masing. Setelah isu pematuhan cukai diselesaikan, pembayar cukai/ pembida hendaklah mengemukakan lampiran atau dokumen sokongan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my untuk tindakan kemas kini status TCC.
9.	Saya baru sahaja mendaftarkan perniagaan, apakah yang perlu dilakukan untuk mendapatkan TCC?	Pembayar cukai/ Pembida hendaklah mengambil tindakan berikut untuk mendapatkan TCC daripada LHDNM: a. Membuat semakan Nombor Pengenalan Cukai (TIN) melalui aplikasi e-Daftar di Portal MyTax. Sekiranya belum mempunyai TIN, pendaftaran boleh dibuat di portal berkenaan; dan b. Setelah TIN diperolehi, pembayar cukai/ pembida boleh mengemukakan permohonan TCC berserta lampiran dokumen pendaftaran perniagaan

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS
		kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my. Pembayar cukai/ Pembida akan dimaklumkan tindakan selanjutnya sekiranya perlu berdasarkan semakan oleh pihak Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM.
10.	Perniagaan saya baru sahaja didaftarkan tetapi TCC memaparkan status Tidak Patuh kerana tidak mengemukakan BNCP, apakah tindakan yang perlu diambil?	Pembayar cukai/ Pembida perlu mengemukakan lampiran dokumen pendaftaran perniagaan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my untuk semakan dan tindakan selanjutnya. Pembayar cukai/ Pembida akan dimaklumkan tindakan selanjutnya sekiranya perlu berdasarkan semakan oleh pihak Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM.
11.	Adakah TCC boleh digunakan untuk tujuan lain?	Tidak , pada ketika ini TCC hanya dikeluarkan untuk tujuan permohonan perolehan Kerajaan sahaja.
12.	Saya menjalankan perniagaan pemilikan tunggal, bagaimanakah saya boleh mendapatkan TCC yang dikeluarkan atas nama perniagaan?	TCC bagi pembayar cukai/ pembida yang menjalankan perniagaan pemilikan tunggal akan dikeluarkan atas nama pemilik perniagaan tersebut. TCC atas nama pemilik perniagaan tersebut boleh digunakan oleh pembayar cukai/ pembida untuk kesemua perniagaan pemilikan tunggal yang didaftarkan atas nama pemilik berkenaan.
13.	Adakah pembayar cukai/ pembida bagi kategori selain perniagaan pemilikan tunggal boleh mengemukakan TCC atas nama pemilik?	Tidak dibenarkan. Perniagaan bagi kategori selain pemilikan tunggal hendaklah mengemukakan TCC atas nama perniagaan tersebut seperti yang dinyatakan di Maklum Balas No. 15 .
14.	Bagaimanakah cara untuk Pegawai Perolehan di Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyemak ketulenan TCC yang dikemukakan?	Pegawai Perolehan di PTJ boleh membuat semakan ketulenan TCC dengan menggunakan fungsi Semakan Ketulenan TCC di aplikasi <i>mobile MyTax</i> yang boleh dimuat turun dari platform penyedia seperti berikut: - Google Play (Android); - App Store (iOS); atau - AppGallery (Huawei)
15.	Bagaimanakah Pegawai Perolehan di PTJ hendak memastikan pembayar cukai/ pembida mengemukakan TCC bagi perniagaan yang betul?	Pegawai Perolehan di PTJ boleh memastikan TCC yang dikemukakan oleh perniagaan adalah mengikut TIN seperti berikut:

BIL.	SOALAN	MAKLUM BALAS																														
		<table> <tr> <th>Bil.</th><th>Jenis Perniagaan</th><th>TIN di TCC</th></tr> <tr> <td>1.</td><td>Syarikat</td><td>C</td></tr> <tr> <td>2.</td><td>Perkongsian Liabiliti Terhad</td><td>PT</td></tr> <tr> <td>3.</td><td>Koperasi</td><td>CS</td></tr> <tr> <td>4.</td><td>Badan Amanah</td><td>TA</td></tr> <tr> <td>5.</td><td>Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah</td><td>TC</td></tr> <tr> <td>6.</td><td>Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta</td><td>TR</td></tr> <tr> <td>7.</td><td>Pertubuhan</td><td>F</td></tr> <tr> <td>8.</td><td>Perkongsian</td><td>D</td></tr> <tr> <td>9.</td><td>Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)</td><td>IG</td></tr> </table> Sekiranya Pegawai Perolehan di PTJ tidak dapat mengenal pasti sama ada TCC yang dikemukakan adalah betul bagi perniagaan yang dimohon, pengesahan boleh dibuat dengan mengemukakan pertanyaan kepada Urus Setia Pelaksanaan TCC LHDNM melalui e-mel tcc@hasil.gov.my.	Bil.	Jenis Perniagaan	TIN di TCC	1.	Syarikat	C	2.	Perkongsian Liabiliti Terhad	PT	3.	Koperasi	CS	4.	Badan Amanah	TA	5.	Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah	TC	6.	Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta	TR	7.	Pertubuhan	F	8.	Perkongsian	D	9.	Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)	IG
Bil.	Jenis Perniagaan	TIN di TCC																														
1.	Syarikat	C																														
2.	Perkongsian Liabiliti Terhad	PT																														
3.	Koperasi	CS																														
4.	Badan Amanah	TA																														
5.	Unit Amanah/ Amanah Harta Tanah	TC																														
6.	Amanah Pelaburan Harta Tanah/ Tabung Amanah Harta	TR																														
7.	Pertubuhan	F																														
8.	Perkongsian	D																														
9.	Individu (Perniagaan Pemilikan Tunggal)	IG																														
16.	Adakah terdapat pengecualian pengemukaan TCC oleh pembida/ pembayar cukai tertentu?	Pengemukaan TCC juga diwajibkan kepada pembida dari negara ahli Perjanjian Perdagangan Bebas (<i>Free Trade Agreement</i> - FTA) yang menyertai perolehan Kerajaan. Tiada sebarang pengecualian pengemukaan TCC termasuklah pembida yang berada di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990.																														
17.	Bagaimanakah cara untuk menghubungi LHDNM sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut berhubung TCC?	Pembayar cukai/ Pembida boleh menghubungi LHDNM melalui saluran berikut: a. e-mel ke tcc@hasil.gov.my ; atau b. hubungi HASiL Contact Centre di talian 03-8911 1000 (dalam negara) atau 603-8911 1100 (luar negara).																														



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN F

**BORANG SEBUT HARGA DAN
SYARAT-SYARAT MEMBUAT
SEBUT HARGA**

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI : **KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH PERMUKAAN
GELANGGANG FUTSAL SERTA LAIN-LAIN KERJA YANG
BERKAITAN DI LAMAN SUKAN JALAN SB INDAH 1/2, TAMAN
SUNGGAI BESI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL
EHSAN UNTUK MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.**

Salinan-salinan Dokumen Meja sebut harga yang merangkumi Ringkasan Sebut Harga, Senarai Kuantiti, *Preambles*, Lokasi, Lukisan, Pelan dan Dokumen sebut harga yang lain boleh dilihat di tempat yang dinyatakan dalam Notis sebut harga dalam masa waktu pejabat pada mana-mana hari bekerja hingga tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga.

Kepada :

Datuk Bandar.

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA.

(pihak yang menerima sebut harga)

Tuan,

Di bawah dan tertakluk kepada Syarat-Syarat Membuat sebut harga yang dilampirkan bersama ini, yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini membuat sebut harga dan menawarkan untuk melaksana dan menjalankan Kerja dan peruntukan-peruntukan dan membekalkan semua buruh, bahan dan loji dan segala benda dari tiap-tiap jenis yang masing-masing disebut, ditunjuk, diperihal dan dimaksudkan dalam, atau yang hendaklah ditakrifkan daripada Dokumen sebut harga, yang hendaklah dilaksana dan dibekalkan oleh pihak Kontraktor, bagi Kerja yang diperihalkan di atas, dengan menepati Dokumen sebut harga tersebut bagi jumlah wang pukat yang disebutkan di bawah ini.

2. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menjadi terikat oleh dan tunduk kepada Syarat-syarat Kontrak dan Senarai Kuantiti yang terletak harganya dan/atau Spesifikasi tersebut dan bersetuju bahawa jika sebut harga ini disetujuterima, harga dan kadar harga dalam Senarai Kuantiti hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa tentang kemunasabahannya. Kadar harga yang terletak kadar harga tersebut, selepas diperbetulkan atau diselaraskan sebagaimana yang diperuntukan dalam Syarat-syarat Kontrak, hendaklah menjadi asas bagi menilaikan perakuan bayaran sementara dan apa-apa perubahan yang mungkin diarahkan oleh Pengawai Penguasa dari semasa ke semasa.

3. Dan selanjutnya, yang bertandatangan di bawah ini bersetuju menyiapkan Kerja itu dalam masa **ditetapkan selama lapan (8) minggu** dari tarikh pemilikan tapak bina atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diperuntukkan di dalam Syarat-Syarat Kontrak.

4. Jumlah amaun sebut harga ini ialah jumlah wang pukal sebanyak **Ringgit Malaysia:**.....

.....

iaitu, **RM**

5. Bahawasanya adalah diketahui bahawa Majlis sentiasa berhak menyetujui terima atau menolak sebut harga ini, sama ada ianya lebih rendah atau lebih tinggi daripada sebut harga-sebut harga yang lain, atau sama amaunnya. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju yang sebut harga ini akan berterusan sah dan tidak akan ditarik balik dalam tempoh **sembilan puluh (90) hari** dari tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga dan bersetuju bahawa tiada apa-apa had, syarat atau janji lain akan dikenakan oleh kami selepas tarikh tersebut.

6. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju, jika sebut harga ini disetujui terima, mendeposit, dengan seberapa segera yang praktik selepas penerimaan Surat Setuju terima sebut harga tetapi sebelum bermulanya kerja, perkara-perkara berikut:

- (a) Polisi Insurans/Takaful Tanggungan Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta) atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (b) Polisi Insurans/Takaful Kerja atau Nota Liputan berserta dengan resit bagi premium yang telah dibayar;
- (c) Nombor pendaftaran di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO);
- (d) Petender akan menanggung kos penyediaan fi perkhidmatan bagi pengurusan kontrak sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk jadual Fi bayaran di **Perkara 21.1** dalam **Arahan Kepada Petender**.

Yang bertandatangan di bawah ini selanjutnya bersetuju mendeposit Polisi-polisi Insurans yang berkenaan dalam tempoh tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas Nota Liputan diserahkan.

7. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju jika kerja-kerja gagal dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak, pengambilan kerja di bawah kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-Syarat Kontrak.

8. Yang bertandatangan di bawah ini dengan ini juga bersetuju bahawa Borang sebut harga ini berserta Surat Setuju terima sebut harga (jika ada) hendaklah menjadi kontrak yang mengikat antara kita.

9. Yang bertandatangan di bawah ini mengesahkan, selepas menyemak sendiri, bahawa dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang digunakan oleh yang bertandatangan di bawah ini untuk menyusun sebut harga ini adalah salinan-salinan yang sebenarnya bagi dokumen-dokumen dan pelan-pelan yang dimasukkan dalam Dokumen Meja Sebut Harga.

10. Yang bertandatangan di bawah ini bersetuju bahawa:

- (a) jika sebut harga ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janji tambahan kepada sebut harga ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan sebut harga atau,

Bertarikh pada _____haribulan _____2026.

Tandatangan Petender

Tandatangan Saksi

Nama Penuh : _____ Nama Penuh _____

Atas Sifat : _____ Pekerjaan : _____

Alamat : _____

Yang diberikuasa dengan sepenuhnya
Untuk menandatangani sebut harga ini untuk
dan bagi pihak :

(Meteri atau Cap Petender)

SYARAT-SYARAT MEMBUAT SEBUT HARGA

1. Keseluruhan Kerja yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga yang ditunjukkan di atas Meja tawaran (kemudian dari ini disebut "Dokumen Meja Tawaran") akan diberi secara Kontrak.

2. (a) Tiap-tiap petender mestilah menyerahkan, dalam suatu sampul surat bertutup dan bermeterai yang dialamatkan sebagai mana ditetapkan dalam Notis sebut harga, suatu sebut harga yang sah dalam Borang Sebut harga yang diperuntukkan, bersama dengan salinan Spesifikasi (jika ada diberikan) dengan sempurnanya dan Ringkasan Sebut Harga yang diisi dan ditandatangani dengan sempurnanya. Borang Sebut Harga yang tak lengkap atau tak bertandatangan akan ditolak.

(b) Tiap-tiap petender mestilah mencatatkan, dalam ruang yang diperuntukkan dalam Borang Sebut harga, masa yang akan dikehendakinya bagi menyiapkan Kerja itu.

(c) Petender hendaklah di mana sahaja dikehendaki dalam Dokumen Sebut harga, meletakkan harga dalam Senarai Kuantiti yang hendaklah diisi dengan dakwat dan ditandatangani dengan sempurnanya oleh petender. Sebelum Surat Setuju terima dikeluarkan, harga dan kadar harga dalam Senarai Kuantiti dan Ringkasan Sebut harga hendaklah diteliti dan diselaraskan oleh Pegawai Penguasa dengan memastikan kemunasabahannya tanpa mengubah amaun yang dinyatakan di dalam Borang Sebut harga.

3. Jika mana-mana petender:

- (a) menarik balik Sebut harga nya sebelum tamat Tempoh Sah Sebut harga atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) mengenakan had, syarat atau janji tambahan selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan Sebut harga (dan dalam hal yang sedemikian ianya hendaklah disifatkan sebagai penarikan balik Sebut harga ini), atau

maka, dalam mana-mana hal itu, Majlis hendaklah, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran petender sebagai kontraktor Majlis, sebagaimana difikirkan perlu oleh Majlis.

4. Tiada apa-apa perubahan atau tambahan yang tidak dibenarkan boleh dibuat kepada Borang Sebut harga atau mana-mana Dokumen Sebut harga yang lain.

5. (a) Sebut harga-sebut harga dan dokumen-dokumen berhubung dengannya yang dinyatakan dalam Perkara 2 di atas, mestilah diserahkan di tempat dan pada atau sebelum masa yang ditetapkan dalam Notis Sebut harga bagi penyerahan Sebut harga.

(b) Jika sesuatu Sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, petender mestilah menguruskan bagi Sebut harganya dan dokumen-dokumennya yang lain dihantar dengan pos supaya sempat sampai di tempat yang ditetapkan tidak lewat dari masa yang ditetapkan.

(c) Mana-mana Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari apa jua sebab, tidak akan dipertimbangkan.

(d) Tiada apa-apa jua perbelanjaan yang ditanggung oleh petender bagi menyediakan Sebut harganya boleh dibayar kepadanya.
